U B754 D E B
PM - TUNKU

KAMPUNG RAJA, 18 JUN (BERNAMA) - PERDANA NENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR NOHANAD HARI INI BERKATA DAKWAAN KONONNYA UMNO DIPIMPIN OLEH DAJAL ADALAH KATA-KATA IBLIS.

KATANYA, BELIAU TIDAK NERASA NARAH DENGAN KATA-KATA YANG DILUAHKAN OLEH TUNKU ABDUL RAHNAN ITU KERANA BELIAU SEDAR KATA-KATA SEUNPANA ITU TERBIT DARIPADA HASUTAN PENINPIN-PENINPIN SENANGAT 46.

+TUDUHAN KONONNYA UNNO DIPIMPIN OLEH DAJAL DIBUAT OLEH IBLIS YANG SENTIASA BERTENGGEK DI ATAS BAHU PENINPIN-PENINPIN SENANGAT 46,+ KATA BELIAU KETIKA BERUCAP PADA PERJUMPAAN DENGAN PENINPIN UNNO BAHAGIAN BESUT DI DEUAN NAJLIS DAERAH BESUT DI SINI.

YANG HADIR SANA PADA NAJLIS ITU IALAH NENTERI BESAR TERENGGANU, TAN SRI HAJI WAN NOKHTAR AHMAD, NENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK DR. NOHD YUSOF NOR DAN PENINPIN POLITIK DARI SELURUH NEGERI.

DATUK SERI DR NAHATHIR BERKATA, TUNKU YANG SUDAH TUA ITU SEPATUTNYA DUDUK DI RUMAH, +MEMEGANG TASBIH DAN BERANAL KEPADA TUHAN.+

BELIAU BERKATA, APA YANG DILAKUKAN OLEH PENINPIN-PENINPIN SENANGAT 46 SEKARANG BUKAN SETAKAT NENGHASUT TUNKU TETAPI TURUT MENGGANGGU, MENGHASUT, NENEKAN DAN NENGUGUT PEGAUAI KERAJAAN.

+APA PUN YANG DIKATAKAN OLEH TUNKU TERHADAP UNNO DAN DIRI SAYA TIDAK AKAN NENYEBABKAN SAYA NENARAHINYA KERANA SAYA SENTIASA MENGHORMATINYA SEBAGAI BAPA MALAYSIA DAN BAPA KEMERDEKAAN,+ TEGAS BELIAU. - - LAGI.

1442NST 18 06 90

U B755 D E B
PM - TUNKU 2 KANPUNG RAJA

PERDANA NENTERI NENGINGATKAN RAKYAT BAHAUA SENANGAT 46 ADALAH SEBUAH BADAN BERASINGAN YANG TIDAK ADA KENA-MENGENA DENGAN PERJUANGAN DAN SENANGAT YANG DITUNJUKKAN OLEH UNNO PADA TAHUN 1946.

BAGAINANA PART1 ITU NAHU NENPERJUANGKAN APA YANG DIPERJUANGKAN OLEH UMNO PADA TAHUN 1946 SEDANGKAN SEBILANGAN BESAR PEMIMPINNYA TERDIRI DARIPADA NEREKA YANG MASIH +BERHINGUS+ PADA KETIKA ITU, KATANYA.

LAGIPUN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, APA YANG DILAKUKAN OLEH SENANGAT 46 SEKARANG IAITU BEKERJASANA DENGAN DAP TIDAK PERNAH DILAKUKAN OLEH UNNO SEBELUN INI.

+BAGAIMANA KITA HAHU HEHILIH NEREKA UNTUK NENTADBIR NEGARA INI SEDANGKAN KITA TAHU DAP ADALAH SEBUAH PART1 YANG HENGUTAHAKAN KEPENTINGAN PERIBADI DAN KAUN TERTENTU SAHAJA,+ TEGAS BELIAU.

MENURUTNYA, DAP ADALAH SEBUAH PART1 YANG DIPINPIN OLEH SEORANG DIKTATOR YANG NENGGUNAKAN SISTEN KONUNIS DENGAN SETIAUSAHA AGUNGNYA (ENCIK LIM KIT SIANG) BERKEDUDUKAN LEBIH TINGGI DARIPADA PRESIDEN PARTI.

BELIAU BERKATA, ENCIK LIN TIDAK AKAN NENBENARKAN SESIAPAPUN CUBA UNTUK HENGGUGAT KEDUDUKANNYA MALAH AKAN NENYINGKIR SESIAPA SAHAJA YANG BERANI NENEGUR TINDAK-TANDUKNYA.

+SEMUA ORANG TAHU BAHAWA TINBALAN SETIAUSAHA AGUNG ENCIK LEE LAN THYE LEBIH POPULAR DARIPADA ENCIK LIM TETAPI BELIAU (ENCIK LEE) TIDAK NUNGKIN DAPAT NAIK KE ATAS ATAU NENCABAR ENCIK LIM,+ KATA DATUK SERI DR HAHATHIR. -- LAGI.

1450MST 18 06 90

, 0703
U B756 DEB
PM - TUNKU 3 KAMPUNG RAJA

BELIAU BERKATA, ENCIK LIM SEKARANG SEDANG BERUSAHA MEWUJUDKAN SATU DINASTI DALAM DAP DENGAN MENGASUH ANAKNYA SENDIRI, LIM GUAN ENG, UNTUK MENERAJUI PART1 ITU PADA SATU MASA KELAK.

JADI, JELASLAH APA YANG DIKATAKAN +SEMANGAT 46+ ITU TIDAK LEBIH DARIPADA SATU SEMANGAT KECEWA SEMATA-MATA KERANA TIDAK 'DAPAT MENJADI PERDANA MENTERI ATAU MENTERI KABINET, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERTANYA KENAPA PAS SANGGUP BEKERJASAHA DENGAN DAP'JIKA PART1 ITU BENAR-BENAR MAHU MENEGAKKAN NEGARA ISLAM SEDANGKAN PEMIMPINNYA MENYEDARI DAP BERPEGANG TEGUH KEPADA IDIOLOGI SEKULARNYA DAN SENTIASA MENENTANG APA SAHAJA UNBUR ISLAM YANG DILAKUKAU OLEH KERAJAAN HARI INI.

PAS SANGGUP +MENJUAL AYAT QURAN DENGAN HARGA YANG MURAH+ SEMATA-MATA UNTUK KEPENTINGAN POLITIK PARA PEMIMPINNYA, KATANYA LAGI.

+BAGAItIANA HEREKA MAHU MENDIRIKAN NEGARA ISLAM SEDANGKAN APA 'YANG SEPATUTNYA MAMPU MEREKA LAKUKAN SEKARANG, TIDAK DILAKUKAN. SEBALIKNYA HEREKA MENGAJAR PERPECAHAN SESAMA ISLAM HINGGA WUJUDNYA KEJADIAN SEMBAHYANG DUA IMAM, DUA MASJID DAN DUA KUBUR,+ TANYA BELIAU.

BELIAU BERKATA ISLAM AKAN HANCUR SEKIRANYA PAS BEKERJASAMA DENGAN DAP KERANA PEMIMPIN PAS TIDAK BERKELAKUAN SEPERTI SEORANG ISLAM YANG SEJATI MANAKALA PEMIMPIN DAP SENTIASA MENENTANG ISLAM. -- BERNAMA.

1453MST 1 8 06 9 0